

09/08/2003

Dunia Islam masih perlukan Dr M

KUALA LUMPUR: Kepemimpinan dan sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih diperlukan oleh dunia Islam walaupun selepas beliau bersara Oktober ini, kata Ketua Pengarang akhbar Pakistan Observer yang berpangkalan di Islamabad, Zahid Malik.

Zahid berkata, dalam keadaan dunia terutama umat Islam yang kini menghadapi ancaman serangan dan pelbagai tekanan, ia amat memerlukan pemimpin seperti Dr Mahathir.

Perdana Menteri Malaysia, katanya memiliki imej pemimpin Islam sejati, bersifat sederhana, berpandangan jauh, berilmu pengetahuan, berani dan lantang dalam memperjuangkan nasib umat Islam sejagat.

"Dunia Islam tidak mempunyai ramai pemimpin sedemikian dalam memperjuangkan nasib umat Islam sejagat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, di Kementerian Penerangan di sini, semalam.

"Apa yang lebih penting, suara Dr Mahathir didengar oleh dunia dan kepemimpinan beliau dikagumi oleh semua negara Islam, malah di kalangan negara bukan Islam," katanya.

Justeru, beliau berkata, Dr Mahathir masih boleh memainkan tanggungjawab besar dalam dunia Islam selepas beliau bersara.

Zahid berkata, bukan saja beliau secara peribadi menyanjungi kepemimpinan Dr Mahathir, bahkan media di negaranya juga sering membuat laporan positif mengenai pemimpin Malaysia itu.

Kejayaan pemimpin Malaysia itu meletakkan Malaysia sebagai antara negara Islam paling membangun, progresif dan aman makmur, dikagumi oleh dunia Islam lain.